

Terma dan Syarat untuk Perkhidmatan Waranti GamesOutlets

Proses Tuntutan Waranti

1. Proses Tuntutan Waranti mengambil masa **1 Hari sehingga 90 Hari** mengikut **kategori barang** yang telah ditetapkan oleh pihak GamesOutlets. Tarikh proses tuntutan waranti ini akan diguna pakai dari hari penyerahan barang kepada pihak GamesOutlets untuk diperiksa lebih lanjut.

Kategori Barang

- 1.1. Kategori Barang :

Jenis Kategori	Jangkaan Masa Proses Tuntutan Waranti
Konsol Baru	14 Hari sehingga 90 Hari
Konsol Terpakai (Used Item)	7 Hari sehingga 14 Hari
“Controller” Baru	2 Hari sehingga 30 Hari
“Controller” Terpakai (Used Item)	2 Hari sehingga 7 hari
Aksesori Eletronik	1 Hari sehingga 3 hari
“Games” Baru & Terpakai (New & Used)	1 Hari sehingga 2 Hari
“Racing Set”	14 Hari sehingga 90 Hari
“GamePad Handheld”	2 Hari sehingga 7 hari

*Jenis Kategori boleh rujuk di <https://gamesoutlets.co/warranty-policy/> “Table of Contents”

- 1.2. Kategori “**Konsol Baru**” mempunyai **7 Hari pertama Jaminan Istimewa** daripada tarikh pembelian produk. Jika berlakunya masalah pada kategori ini yang bukan dari faktor manusia atau bencana alam, pemeriksaan akan dilakukan oleh pihak GamesOutlets dan **Pertukaran 1 To 1 Produk** akan berlaku. Wajib serahkan barang yang lengkap pada pihak GamesOutlets dalam masa **7 Hari pertama Jaminan Istimewa** dengan cara datang ke kedai atau penggunaan perkhidmatan kurier. Setelah **Pertukaran 1 To 1 Produk** berlaku, jaminan 1 tahun akan berjalan seperti biasa daripada tarikh pembelian produk.
- 1.3. Setelah proses tuntutan waranti selesai dilaksanakan oleh pihak GamesOutlets, tempoh waranti berjalan seperti biasa daripada tarikh pembelian produk dan tiada tambahan tempoh waranti diberikan.

Period Of Play & Period Of Charging

2. Kategori yang ada “Period Of Play (Saranan waktu bermain)”, “Period Of Charging (Saranan waktu cas)” adalah seperti berikut :

- 2.1. Period Of Play :

Kategori	Saranan Waktu Bermain	Waktu Rehat (Break time)
1. Konsol Baru 2. Konsol Terpakai (Used Item) 3. “Racing Set”	4 Jam sehingga 5 Jam	Wajib rehat 1 Jam untuk bermain lebih dari 5 Jam keatas.
“GamePad Handheld”	1 Jam 30 Minit jika bermain sambil “Cas”.	Perlu cabut “Charging Adapter” daripada “GamePad” selepas 1 Jam 30 Minit.

- 2.2. Period Of Charging :

Kategori	Saranan Waktu Cas
1. “Controller” Baru 2. “Controller” Terpakai (Used Item) 3. “GamePad Handheld”	1 Jam sehingga 1 Jam 30 Minit

Kerosakan Hari yang sama

3. Jika berlaku kerosakan barang pada **hari yang sama** semasa **pembelian dibuat**, pihak GamesOutlets akan serta-merta buat pemeriksaan pada barang tersebut dan akan berlakunya ganti produk yang sama atau nilai yang sama.
4. Perlu kemukakan **resit pembelian/gambar resit pembelian/maklumat pembelian** yang **berdaftar** semasa tuntutan waranti dibuat di GamesOutlets.

Perkara yang membatalkan Proses Tuntutan Jaminan

5. Proses Tuntutan Jaminan tidak akan digunakan dan tiada perkhidmatan pembaikan disediakan jika :

- 5.1. Produk yang tidak dijual oleh GamesOutlets.
 - 5.2. Produk yang bertukar Hak Milik pembeli asal sewaktu pembelian dilakukan.
 - 5.3. Digunakan untuk tujuan komersial (termasuk sewa) atau diubahsuai.
 - 5.4. Dibaiki/kerusakan dilakukan oleh pihak ketiga.
 - 5.5. Ada penyalahgunaan, kecuaiian, berlakunya bencana alam, penggunaan yang tidak masuk akal, kerosakan faktor manusia, letupan pada produk, litar pintas.
 - 5.6. Digunakan dalam sebarang cara yang melanggar mana-mana perisian sistem sesuatu produk.
 - 5.7. Nombor Siri (Serial Number) pada produk tersebut berlainan daripada resit pembelian asal.
 - 5.8. Telah tamat tempoh **Jaminan** pada produk yang dibeli.
 - 5.9. Produk tersebut adalah freegift, cabutan bertuah, hadiah event yang telah dijalankan oleh pihak GamesOutlets.
 - 5.10. Tidak tutup (matikan) dan tidak cabut "Power Cable" dari soket/suis/soket dinding/"power extension".
 - 5.11. Tidak mengikut tatacara "Period Of Play (Saranan waktu bermain)" dan "Period Of Charging (Saranan waktu cas)" seperti di "**Bahagian 2**" yang telah ditetapkan oleh GamesOutlets. Boleh menyebabkan litar pintas/ "overheating (Terlalu panas)".
6. Pihak GamesOutlets memerlukan "Set Lengkap" (Complete Set) pada sesuatu produk yang dibeli.
- 6.1. Jika produk tersebut tidak lengkap, kekurangan barang, kecatatan pada barang, pihak GamesOutlets berhak untuk menolak serta merta atau atas budi bicaranya.

Kos Penghantaran

7. Segala kos penghantaran (Postage by courier service) akan ditanggung oleh GamesOutlets jika :
 - 7.1. Kerosakan/kecacatan pada produk berpunca daripada pihak GamesOutlets/kilang.
 - 7.2. Berlaku kerosakan yang bukan dari faktor manusia atau bencana alam dalam tempoh **7 Hari pertama Jaminan Istimewa** untuk Kategori "**Konsol Baru**".
 - 7.3. Produk tuntutan jaminan perlu dihantar kepada "Supplier GamesOutlets" untuk pemeriksaan lanjut.
 - 7.4. Setelah proses tuntutan jaminan telah selesai dan perlu dihantar kepada pelanggan.

8. Kos penghantaran (Postage by courier service) akan ditanggung oleh pelanggan jika :
 - 8.1. Kerosakan produk berpunca daripada pihak pelanggan.
 - 8.2. Tiada kerosakan yang berlaku setelah pemeriksaan dilakukan oleh pihak GamesOutlets.
 - 8.3. Untuk pelanggan yang "Walk In" ke kedai GamesOutlets.

Hak-hak pelanggan

9. Pelanggan yang membuat tuntutan waranti produk yang rosak dan dibaiki oleh pihak GamesOutlets mempunyai hak-hak seperti :
 - 9.1. Tiada kos baiki yang akan dikenakan.
 - 9.2. Boleh membuat tuntutan waranti pada bahagian kerosakan yang lain dalam tempoh jaminan dan tiada kesinambungan/tambahan tempoh waranti.
 - 9.3. Produk rosak pada bahagian (Part) yang tidak boleh dibaiki oleh pihak GamesOutlets dan bukannya berpunca seperti dinyatakan di "**Bahagian 4**", produk akan diganti **1 To 1 Set**. Dan tiada kesinambungan/tambahan tempoh waranti.

10. GamesOutlets berhak untuk meminda Terma dan Syarat bagi Tuntutan Waranti atau perkhidmatan pembaikan yang berkaitan tanpa notis awal.

<p>PENGESAHAN PIHAK PELANGGAN Saya mengakui telah membaca dan memahami segala Terma dan Syarat untuk Perkhidmatan Waranti GamesOutlets (MYGOTECH TRADING M SDN BHD).</p> <p>(Tandatangan Pelanggan) Nama : _____ Tarikh : _____</p>	<p>PENGESAHAN PIHAK STAF (GAMESOUTLETS) Saya mengesahkan telah memberikan penerangan Terma dan Syarat untuk Perkhidmatan Waranti GamesOutlets (MYGOTECH TRADING M SDN BHD).</p> <p>(Tandatangan Staf) Nama : _____ Tarikh : _____</p>
<p>Maklumat Pembelian No. Resit Pembelian : _____ (Isi oleh Staf GamesOutlets)</p>	